

23 JUN 2003

MCA ARAH JENTERA PARTI SIAP SEDIA HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

SHAH ALAM, 23 Jun (Bernama) -- Barisan kepimpinan baru MCA telah mengarahkan setiap peringkat parti itu untuk menubuhkan jawatankuasa pilihan raya dan mengerakkan jentera pilihan raya sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Timbalan presiden MCA Datuk Chan Kong Choy berkata arahan itu telah dikeluarkan selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA 13 Jun lepas.

"Mereka juga telah diarahkan untuk mengenal pasti isu-isu dan masalah-masalah rakyat supaya dapat dikemukakan bagi kita mengatasinya," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan RM70,000 daripada Carlsberg Malaysia bagi Program Pembangunan Ping Pong di sini hari ini. Chan ialah presiden Persatuan Ping Pong Malaysia.

Mei lepas, Jawatankuasa Pusat MCA melantik Datuk Seri Ong Ka Ting sebagai presiden MCA dan Chan sebagai timbalan presiden setelah gagal memujuk bekas presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas timbalan parti Datuk Seri Lim Ah Lek untuk tidak meletakkan jawatan masing-masing.

Chan juga berkata nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada anggota dan perwakilan Umno sewaktu Perhimpunan Agung ke-54 yang berakhir semalam perlu dihayati oleh parti komponen Barisan Nasional yang lain.

Antara lain, katanya, nasihat seperti perpaduan dan cintai parti adalah wajar untuk diikuti oleh parti komponen yang lain kerana ia membawa kebaikan.

"Saya rasa nasihat beliau bukan sahaja berguna untuk ahli Umno tetapi juga berguna kepada komponen yang lain. Kita akan mengikutinya walaupun nasihat itu diberikan kepada ahli Umno sewaktu perhimpunan itu," katanya.

-- BERNAMA

LES RHM